Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI)

Kepentingan ABMI

ABMI yang dilancarkan dalam forum Menteri-menteri Kewangan ASEAN+3 adalah satu pendekatan menyeluruh bagi membangunkan pasaran bon serantau di Asia Timur. Matlamat penubuhan tersebut adalah untuk mewujudkan satu pasaran bon yang mudah cair, meluas dan mendalam di Asia untuk meningkatkan lagi keberkesanan penyaluran simpanan Asia kepada pelaburan jangka panjang di rantau ini. Pasaran bon Asia yang mendalam juga akan memperbaiki pengurusan ketakpadanan kematangan yang wujud dalam pembiayaan aktiviti ekonomi, memudahkan pengurusan risiko kadar faedah dan mata wang serta membantu memulihkan pengagihan modal secara keseluruhan dengan lebih berkesan.

ABMI adalah projek kerjasama kewangan serantau yang paling penting selepas Inisiatif Chiang Mai. Pada dasarnya, ia mencerminkan usaha bersama pihak kementerian kewangan, bank pusat dan pihak berkuasa kewangan negara-negara ASEAN+3 untuk memperbaiki infrastruktur kewangan dan memulakan dasar yang bersesuaian bagi menyokong pembangunan pasaran bon serantau. Pelaksanaan ABMI adalah melalui satu pendekatan berstruktur. Enam kumpulan kerja sukarela telah ditubuh bagi mengenal pasti isu dan halangan terhadap pembangunan pasaran bon dalam pelbagai bidang melalui mesyuarat berkala (rujuk carta). Kajian juga sedang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan kerja bagi mengesyor kaedah rangka kerja pengawalan dan perundangan yang akan memudahkan penerbitan bon merentasi sempadan dan pelaburan di rantau ini. Kumpulan kerja tersebut juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan sektor swasta utama yang berkepentingan, seperti bank pembangunan pelbagai hala, pengantara kewangan dan peserta pasaran.

Komitmen Malaysia

Malaysia memberi komitmen sepenuhnya dalam menjayakan pembangunan ABMI dan Bank Negara Malaysia merupakan ahli yang aktif dalam kesemua kumpulan kerja tersebut. Malaysia (Bank Negara Malaysia) mempengerusikan Kumpulan Kerja mengenai Isu-isu Berkaitan Urus Niaga Tukaran Asing dan Penyelesaian Pembayaran dan merupakan pengerusi bersama (Suruhanjaya Sekuriti) bagi Kumpulan Kerja mengenai Penyelarasan Bantuan Teknikal dengan Indonesia dan Filipina. Dalam menerajui Kumpulan Kerja mengenai Isu-isu Urus Niaga Tukaran Asing dan Penyelesaian Pembayaran, Bank Negara Malaysia telah memperakui bahawa pewujudan satu pasaran bon yang mendalam dan mudah cair di Asia perlu disokong oleh satu mekanisme sistem penyelesaian pembayaran bon yang kukuh dan berkesan. Oleh itu, usaha telah ditumpukan bagi mengadakan satu persekitaran yang kondusif bagi memudahkan urus niaga pertukaran asing dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan ketepatan waktu dan juga penjimatan kos dalam menyelesaikan urus niaga yang merentasi sempadan.

Sebagai sebahagian daripada program kerjanya, Kumpulan Kerja tersebut telah menganjurkan Simposium mengenai Urus Niaga Tukaran Asing dan Isu-isu Penyelesaian Pembayaran pada 20 Oktober 2003 untuk membincangkan isu-isu berkaitan urus niaga tukaran asing dan penyelesaian pembayaran dalam urus niaga bon merentasi sempadan.

Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI)

